

09/09/1998

Usaha bantu usahawan tidak terjejas

PERANAN Kementerian Pembangunan Usahawan membangunkan usahawan tidak akan terjejas meskipun menterinya, Datuk Mustapa Mohamed kini membahagikan masanya antara tugas di dua kementerian.

Bercakap pada sidang akhbar, selepas merasmikan restoran makanan segera pertama Beverlyhills Pizza di Kuala Lumpur semalam, Mustapa berkata, walaupun dalam tempoh beberapa minggu ini beliau mungkin terpaksa mengurangkan tumpuannya pada tugas yang berkaitan dengan keusahawanan bagi mendalami tugas barunya, sebagai Menteri Kewangan Kedua, ia tidak bermakna usaha pembangunan usahawan diabaikan.

"Kementerian Pembangunan Usahawan mempunyai timbalan menteri. Mana-mana tugas yang boleh saya serahkan kepada beliau, saya akan serahkan. Bagaimanapun, dalam tugas tertentu, yang memerlukan saya sendiri melakukannya, saya akan lakukan," tegas beliau.

Mengenai peranannya sebagai Menteri Kewangan Kedua terutamanya dalam menyediakan laporan Belanjawan Negara 1999, Mustapa berkata, ia akan dibincangkan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tetapi saya difahamkan saya akan membantu Perdana Menteri yang juga menjawat tugas Menteri Kewangan Pertama," katanya.

Menurut Mustapa, oleh kerana Perdana Menteri adalah seorang yang pakar dalam hal ehwal ekonomi dan soal kewangan, tugas beliau sebagai Menteri Kewangan Kedua dijangka akan lebih mudah.

Bagaimanapun katanya, ini bukanlah bermakna beliau boleh lepas tangan. Menurut Mustapa dari semalam, sehinggalah beberapa minggu yang akan datang, beliau akan memberikan tumpuan terhadap mendalami Kementerian Kewangan.

"Walaupun saya dulunya dari kementerian berkenaan, banyak perkara perlu saya pelajari kerana perkara yang berkaitan dengan ekonomi dan kewangan kini banyak yang telah berubah dan saya perlu belajar dengan cepat," tegasnya.

Mustapa memiliki ijazah sarjana muda ekonomi kelas pertama dan ijazah sarjana ekonomi pembangunan dari Universiti Melbourne, Australia.

Mengenai tarikh pembentangan Laporan Belanjawan Negara 1999, beliau berkata: "Saya difahamkan ia telah ditetapkan, tetapi saya perlu periksa dulu bila."

Sementara itu, menjawab soalan wartawan sebuah media kewangan asing sama ada langkah terbaru yang diumumkan kerajaan, termasuk penurunan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) adalah usaha kerajaan untuk mengetepikan dasar berjimat cermat sebelum ini, Mustapa berkata, kerajaan mengambil keputusan untuk melonggarkan dasar kewangan bagi menyokong usaha pemulihan ekonomi melalui peningkatan dalam perbelanjaan serta mengkaji semula pembekuan projek perlu.

(END)